

MINIT MESYUARAT
MAJLIS BERSAMA JABATAN (MBJ) BIL. 2 TAHUN 2017
KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI (MITI)

Tarikh : 22 Mei 2017 (Isnin)
Masa : 8.30 pagi hingga 11.45 pagi
Tempat : Windows on 3 &4
Riverside Majestic Hotel
Kuching, Sarawak

Pengerusi : YBhg. Dato' Nik Rahmat Nik Taib
Timbalan Ketua Setiausaha (Industri)

Senarai Kehadiran : Seperti di Lampiran 1

| <u>BIL.</u> | <u>ISU-ISU/PERKARA</u> | <u>TINDAKAN/MAKLUMAN</u> |
|-------------|---|--------------------------|
| 1. | <u>PERUTUSAN Pengerusi</u> | |
| 1.1 | <p>Pengerusi mengalu-alukan dan mengucapkan terima kasih di atas kehadiran ahli-ahli mesyuarat.</p> <p>Pengerusi memaklumkan bahawa program <i>Corporate Social Responsibility</i> (CSR) bersama Dewan Bandaraya Kuching Utara (DBKU) iaitu menanam pokok di belakang kawasan parkir kereta Masjid Jamek Kuching yang telah dilaksanakan adalah sangat baik dan perlu diteruskan di masa hadapan.</p> <p>Mesyuarat dimaklumkan bahawa mesyuarat ini adalah mesyuarat terakhir bagi ahli MBJ Wakil Pekerja sesi 2015 – 2017 dan tempoh berakhir pada 30 Jun 2017. Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada semua atas sumbangan dan kerjasama yang diberikan dan memaklumkan bahawa MBJ sesi ini telah berjaya melaksanakan mesyuarat sebanyak 8 kali. Pengerusi menegaskan bahawa Mesyuarat MBJ merupakan satu platform yang baik untuk perbincangan dan memberi cadangan untuk kebaikan bersama di antara wakil pekerja dan pihak pengurusan. Ianya merupakan mekanisma berkesan dan sangat baik dan membolehkan pekerja berinteraksi dan bekerjasama.</p> <p>Mesyuarat turut dimaklumkan mengenai Sukan MITI yang telah bermula pada 4 Mac 2017 dan permainan terakhir pada 13 Mei 2017 iaitu pertandingan Bola Jaring dan Bola Sepak. Acara penutup dan kemuncak Sukan Antara Rumah MITI 2017 dicadangkan diadakan selepas Hari Raya Aidilfitri dan tarikh akan ditentukan kelak.</p> <p>Pengerusi meminta supaya semua pegawai mengamalkan budaya inovasi dan kreativiti di tempat kerja dan menggalakkan ahli-ahli MBJ untuk turut serta dalam Pertandingan Multimedia 'MITI Exposed' yang bertemakan Peranan dan Sumbangan MITI kepada Negara. Mesyuarat dimaklumkan bahawa hadiah lumayan disediakan kepada pemenang.</p> | |

| <u>BIL.</u> | <u>ISU-ISU/PERKARA</u> | <u>TINDAKAN/MAKLUMAN</u> |
|-------------|--|--|
| 2. | <u>PENGESAHAN MINIT MESYUARAT</u> | |
| 2.1 | <p>Minit Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan (MBJ) Bilangan 1 Tahun 2017 yang diadakan pada 7 Mac 2017 telah disahkan dengan pindaan seperti berikut:</p> <p>Tajuk bagi perkara 5.3 Usul Tambahan Wakil Kumpulan Pengurusan dan Profesional Gred 48/52 dipinda kepada Pengemaskinian senarai Kenderaan EEV dan hybrid</p> | |
| 3. | <u>PERKARA-PERKARA BERBANGKIT</u> | |
| 3.1 | <p><u>Pembukaan kawasan patio aras 3 kafeteria MITI dan tambahan kipas dinding di kafeteria MITI</u></p> <p>Mesyuarat dimaklumkan bahawa di dalam mesyuarat MBJ Bilangan 1 Tahun 2017 Pengerusi telah tidak bersetuju cadangan untuk membuka kawasan patio aras 3 kafeteria dan mencadangkan pilihan tindakan bagi mengurangkan kos iaitu memasang skrin/ pintu di antara ruang hadapan dan dapur setiap kedai.</p> <p>Pihak PMSB telah mengadakan lawatan tapak dengan pihak perunding pada 7 Mac 2017 dan telah melaksanakan pengaturan baru terhadap system pengudaraan sedia ada di kafeteria di mana 100% udara segar telah dibekalkan berbanding jumlah bekalan udara segar asal. Didapati masalah pengudaraan dan bau telah berjaya dikurangkan.</p> <p>Pengerusi meminta supaya mendapatkan maklum balas/laporan bagi lawatan tapak oleh perunding dan mencadangkan supaya perbincangan lanjut diadakan untuk mendapatkan jalan penyelesaian. Bahagian Pentadbiran diminta untuk mengetuai perbincangan tersebut.</p> | <p>Bahagian Pentadbiran/ Kelab MITI</p> |
| 3.2 | <p><u>Kursus Keusahawanan</u></p> <p>Mesyuarat dimaklumkan bahawa Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM) telah mendapatkan nama pegawai yang berminat menyertai Kursus Keusahawanan dari wakil Kumpulan Pembantu Tadbir. Seramai 35 orang pegawai MITI berminat untuk menyertai kursus yang akan dianjurkan. Mesyuarat dimaklumkan bahawa kursus akan dikendalikan oleh Kolej Komuniti Selayang dan berfokus kepada kursus jangka pendek. BPSM telah berbincang dengan Kolej Komuniti Selayang dan telah mendapat</p> | <p>Makluman</p> |

| <u>BIL.</u> | <u>ISU-ISU/PERKARA</u> | <u>TINDAKAN/MAKLUMAN</u> |
|-------------|--|---|
| | pilihan tarikh iaitu pada 20 dan 27 Julai 2017. Kursus yang akan dikendalikan adalah Kursus Pemprosesan Makanan Sejuk Beku dan Bakeri (soft cake dan bun). | |
| 3.3 | <p><u>Format Seragam bagi setiap pengumuman</u></p> <p>Mesyuarat dimaklumkan bahawa pihak Unit Komunikasi Strategik (UKS) telah mengambil tindakan dan menghantar e-mel pemakluman bertajuk Garis Panduan Siaraya (Pengumuman / <i>Announcement</i>) beserta Garis Panduan dan Contoh Teks kepada semua Pentadbir Bahagian dan salinan kepada pihak pengurusan MITI pada 25 April 2017.</p> | Makluman |
| 3.4 | <p><u>Radio Station MITI</u></p> <p>Mesyuarat dimaklumkan bahawa <i>Radio Station MITI</i> telah diwujudkan dan dikenali sebagai 'Sorotan MITI'. Hasil perbincangan yang diadakan Bersama Unit Kualiti dan Inovasi, UKS, Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM) dan wakil MBJ bersetuju supaya pautan ke Sorotan MITI diwujudkan di EZLinks dan boleh dicapai terus di http://automasi.miti.gov.my/sorotanmiti/. Koleksi berita dan penyediaan klip audio dikendalikan oleh UKS. BPM pula akan memuat naik klip audio tersebut pada hari Jumaat dan e-mel kepada allmiti@miti.gov.my akan dihantar oleh UKS pada pagi Isnin.</p> <p>Mesyuarat juga dimaklumkan bahawa e-mel makluman bertajuk Sorotan MITI (<i>Short Brief News MITI</i>) beserta Carta Aliran dan Format Maklum balas telah dihantar kepada semua Pentadbir Bahagian pada 25 April 2017. Sorotan MITI di EZLinks telah diaktifkan mulai 8 Mei 2017.</p> <p>Pengerusi mencadangkan supaya semua event MITI sepanjang minggu dipaparkan di <i>Digital Board</i> sedia ada. Pengerusi meminta supaya Bahagian Pentadbiran memaklumkan UKS memaparkan koleksi <i>event</i> MITI di LCD TV yang terdapat di MITI.</p> | <p>Makluman</p> <p>Bahagian Pentadbiran/UKS</p> |
| 4. | <u>PEMBENTANGAN USUL WAKIL PEKERJA</u> | |
| 4.1 | Pembentangan Wakil Kumpulan Pengurusan dan Profesional Gred 48/52 – Encik Mohd Reza Azman | |

| <u>BIL.</u> | <u>ISU-ISU/PERKARA</u> | <u>TINDAKAN/MAKLUMAN</u> |
|--------------------|---|---------------------------------|
| 4.1.1 | <p><u>Pemasangan <i>bump/</i> bonggol jalan</u></p> <p>Wakil Kumpulan Pengurusan dan Profesional Gred 48/ 52 (Wakil Kumpulan P&P 48/ 52) memohon Bahagian Pentadbiran memasang <i>bump/</i> bonggol jalan di laluan menurun ke LG1 dan LG2 kerana boleh mengundang bahaya terutamanya pada waktu kemuncak atau hujan lebat kerana terdapat pegawai dan orang luar yang memandu laju apabila menuruni kawasan tersebut.</p> <p>Pengerusi meminta supaya perkara ini diambil tindakan segera kerana melibatkan isu keselamatan. Pengerusi meminta supaya Bahagian Pentadbiran menulis surat permohonan pemasangan bump kepada pihak Putrajaya Management Sdn. Bhd. (PMSB).</p> | Bahagian Pentadbiran |
| 4.1.2 | <p><u>Menukar/ memuat turun Modul IR kad akses dari sistem <i>smart tag</i> kepada sistem <i>swipe</i> bagi laluan masuk dan keluar di kawasan parkir LG1</u></p> <p>Wakil Kumpulan P&P 48/ 52 memohon Bahagian Pentadbiran dan Unit Keselamatan MITI mengkaji dari sudut kesihatan dan kesesuaian bagi mengaktifkan sistem akses ke parkir LG1 secara <i>Touch & Go</i>. Perkara ini perlu kerana pergerakan masuk dan keluar kenderaan di LG1 menjadi perlahan disebabkan kesukaran sensor merekod untuk pembukaan <i>boom gate</i> bagi kenderaan yang mempunyai lapisan cermin yang tebal.</p> <p>Pengerusi bersetuju supaya kedua-dua sistem diaktifkan dan warga MITI boleh membuat pilihan dan meminta supaya Bahagian Pentadbiran mengemukakan permohonan kepada pihak PMSB agar mengaktifkan fungsi <i>Touch & Go</i> juga.</p> | Bahagian Pentadbiran |
| 4.1.3 | <p><u>Kawalan Keselamatan kawasan larangan bangunan kerajaan</u></p> <p>Wakil Kumpulan P&P 48/ 52 memohon Bahagian Pentadbiran dan Unit Keselamatan MITI untuk menitik berat dan memantau kenderaan luar yang masuk ke kawasan Menara MITI iaitu dengan kawalan sepenuh masa pengawal di pondok pengawal. Mesyuarat dimaklumkan bahawa terdapat laporan yang menyatakan terdapat kenderaan asing bergerak mengelilingi Menara</p> | Bahagian Pentadbiran |

| <u>BIL.</u> | <u>ISU-ISU/PERKARA</u> | <u>TINDAKAN/MAKLUMAN</u> |
|-------------|---|--|
| | <p>MITI tanpa tujuan.</p> <p>Berikut adalah cadangan tindakan yang boleh diambil:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Menambah bilangan pengawal bertugas di pintu masuk MITI dan menahan kenderaan yang masuk; • Menahan dan memberi amaran kepada penunggang motosikal yang membahayakan pengguna lain; • Menutup secara kekal laluan LG1 (laluan keluar kedua) dengan meletak penghadang kekal ke laluan tersebut; • Membina <i>boom gate</i> seperti di Kompleks Jalan Duta bagi kawalan masuk keluar yang lebih efisien. <p>Pengerusi menyatakan bahawa isu keselamatan perlu diambil perhatian dengan teliti dan serius. Mesyuarat dimaklumkan bahawa Bahagian Pentadbiran telah mengambil keputusan untuk menutup terus laluan tersebut bagi mengelakkan laluan tersebut disalah gunakan.</p> | |
| 4.2 | Pembentangan Wakil Kumpulan Pengurusan dan Profesional Gred 41/ 44 – Encik Muhammad Izarul Kayat | |
| 4.2.1 | <p><u>Konfigurasi semula lampu isyarat di pintu masuk MITI</u></p> <p>Wakil Kumpulan Pengurusan dan Profesional Gred 41/ 44 memaklumkan bahawa posisi tiang lampu isyarat keluar dari MITI dan MATRADE mengelirukan kenderaan keluar terutamanya pelawat. Selain itu, semasa kenderaan keluar dari MITI/ MATRADE, kenderaan di jalan utama iaitu dari Mahkamah Tinggi ke Mont Kiara tidak berhenti kerana lampu isyarat dari arah tersebut sentiasa berwarna hijau. Keadaan ini membahayakan warga MITI kerana susur masuk ke jalan utama yang sempit dan kenderaan dari jalan utama yang dipandu laju.</p> <p>Wakil Kumpulan Pengurusan dan Profesional Gred 41/ 44 mencadangkan Bahagian Pentadbiran menulis surat rasmi kepada pihak DBKL bagi permohonan berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> i. memohon supaya posisi tiang lampu isyarat ditukar ke hadapan pintu gate MITI atau diletakkan tanda MITI/ MATRADE di lampu | <p>Bahagian Pentadbiran</p> |

| <u>BIL.</u> | <u>ISU-ISU/PERKARA</u> | <u>TINDAKAN/MAKLUMAN</u> |
|--------------------|--|--------------------------------------|
| | <p>isyarat tersebut;</p> <p>ii. menyediakan satu lagi lampu isyarat untuk memberhentikan kenderaan di jalan utama dari Mahkamah Tinggi ke Mont Kiara ketika kenderaan keluar dari MITI dan MATRADE.</p> <p>Wakil Bahagian Pentadbiran memaklumkan bahawa wakil Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Cawangan Lampu Isyarat telah dijemput ke MITI untuk berbincang mengenai perkara ini, tetapi tarikh belum dimuktamadkan. Bahagian Pentadbiran akan menjemput Wakil P&P Gred 48/ 52 dan Gred 41/ 44 untuk turut serta dalam perbincangan tersebut.</p> | |
| 4.3 | Pembentangan Wakil Kumpulan Penolong Pegawai Teknologi Maklumat – Encik Muhammad Abd Ghani | |
| 4.3.1 | <p><u>Keselamatan peralatan ICT di semua bilik mesyuarat di Menara MITI</u></p> <p>Wakil Kumpulan Penolong Pegawai Teknologi Maklumat memaklumkan bahawa projektor dan peralatan VC yang dibekalkan untuk kegunaan mesyuarat pada masa ini tiada pegawai khas yang dilantik bagi menjaga keselamatan peralatan tersebut. Dicadangkan supaya dilantik seorang pegawai yang bertanggungjawab bagi menjaga peralatan di setiap bilik mesyuarat.</p> <p>Pengerusi memaklumkan bahawa keselamatan peralatan di dalam bilik mesyuarat menjadi tanggungjawab tingkat/bahagian masing-masing dan dicadangkan <i>Person in Charge</i> (PIC) ialah pegawai di tingkat masing-masing. Unit Aset diminta untuk menghantar e-mel kepada Pegawai Tadbir Bahagian masing-masing bagi tujuan lantikan PIC dan memaparkan nama dan gambar PIC dilantik di bilik mesyuarat masing-masing.</p> | Unit Aset, Bahagian Kewangan |
| 4.4 | Pembentangan Wakil Kumpulan Pembantu Tadbir – Encik Raja Zaiful Izwan Raja Rahim | |
| 4.4.1 | <p><u>Kebajikan</u></p> <p>Wakil Kumpulan Pembantu Tadbir membawa usul berkaitan kebajikan warga MITI yang menerima ujian yang menimpa diri dan keluarga seperti masalah kesihatan,</p> | Bahagian Kewangan/ Kelab MITI |


| <u>BIL.</u> | <u>ISU-ISU/PERKARA</u> | <u>TINDAKAN/MAKLUMAN</u> |
|-------------|---|--------------------------|
| | <p>kemalangan, meninggal dunia dan lain-lain bencana. Mereka tidak jelas saluran bagi mendapatkan bantuan kewangan.</p> <p>Cadangan yang dikemukakan adalah seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Menyediakan pengangkutan yang sesuai untuk tujuan ziarah; ii. Menyediakan SOP bagi tujuan penyediaan bantuan kewangan kepada warga MITI yang terlibat dengan cadangan Pegawai Tadbir Bahagian diberi mandat untuk memaklumkan Bahagian Pentadbiran apabila berlaku sesuatu musibah; iii. Berkongsi SOP dengan warga MITI untuk makluman semua. <p>Pengarah BPSM memaklumkan mesyuarat bahawa apabila berlaku kematian atau warga MITI ditimpa masalah kesihatan, wakil PSM akan mengadakan lawatan dan akan mendahulukan sumbangan yang sepatutnya diterima dari Tabung Kasih.</p> <p>Pengerusi meminta Bahagian Kewangan untuk membuat semakan status bantuan dari Tabung Kasih dan berkongsi SOP yang telah disediakan dengan semua warga MITI.</p> | |
| 4.5 | Pembentangan Wakil Kumpulan Pembantu Operasi – Encik Zainal Shariff | |
| 4.5.1 | <p><u>Kotak mel/memo dalaman di pintu bilik pegawai</u></p> <p>Wakil Kumpulan Pembantu Operasi memohon kotak mel dipasang di depan pintu setiap bilik pegawai bagi memudahkan surat/ dokumen/ memo diletakkan semasa ketiadaan pegawai.</p> <p>Dimaklumkan bahawa proses perolehan kotak mel/ memo telah selesai dan telah diterima. Unit aset dalam proses pemasangan kotak mel tersebut.</p> | Makluman |

| <u>BIL.</u> | <u>ISU-ISU/PERKARA</u> | <u>TINDAKAN/MAKLUMAN</u> |
|-------------|--|--------------------------|
| 4.6 | Pembentangan Wakil Kumpulan OKU – Encik Khairul Azwan Wahab | |
| 4.6.1 | <p><u>Tandem Cycling untuk pegawai-pegawai OKU</u></p> <p>Wakil OKU memohon supaya diadakan program <i>tandem cycling</i> untuk pegawai-pegawai OKU. Program sedemikian dapat mewujudkan integrasi antara OKU dan bukan OKU. Wakil kumpulan OKU memohon MITI membeli/ menyewa basikal tersebut bagi tujuan aktiviti bersama OKU dan wagra MITI yang lain.</p> <p>Mesyuarat dimaklumkan bahawa <i>tandem bicycle</i> ini boleh disewa dari Persatuan Pembangunan Orang Buta Malaysia (PPOBM) di mana PPOBM mempunyai kerjasama dengan OCBC Bank.</p> <p>Pengerusi bersetuju dengan program riadah ini dan meminta wakil Kumpulan OKU menghubungi pihak PPOBM bagi mendapatkan kadar sewa yang dikenakan.</p> | Wakil OKU |
| 5 | <u>HAL-HAL LAIN</u> | |
| 5.1 | <p><u>Pindaan Perlembagaan</u></p> <p>Mesyuarat dimaklumkan bahawa isu berkaitan Unit Komunikasi Strategik telah dibangkitkan dalam Mesyuarat yang lalu dan tiada maklum balas segera dapat diberikan berikutan tiada wakil pegawai dari Unit Komunikasi Strategik (UKS) dalam keahlian Majlis.</p> <p>Mesyuarat bersetuju supaya Ketua Komunikasi Strategik dilantik menjadi ahli Pihak Pegawai dan disediakan kertas pindaan Perlembagaan MBJ MITI bagi menambah ahli pihak pegawai.</p> | Urus Setia |
| 5.2 | <p><u>Ucapan terima kasih dari Wakil Kumpulan Pengurusan dan Profesional Gred 48/ 52 merangkap Pengerusi Pihak Pekerja</u></p> <p>Wakil Kumpulan Pengurusan dan Profesional Gred 48/ 52, Encik Mohd Reza Azman mengucapkan terima kasih kepada pihak Urus setia yang telah melaksanakan tugas dan bekerjasama dengan ahli-ahli Pihak Pekerja bagi sesi 2015 – 2017. Beliau juga mewakili semua ahli Pihak</p> | Makluman |

| <u>BIL.</u> | <u>ISU-ISU/PERKARA</u> | <u>TINDAKAN/MAKLUMAN</u> |
|-------------|--|--------------------------|
| | Pekerja memohon kemaafan atas sebarang kesalahan dan kesilapan. | |
| 6. | PENANGGUHAN MESYUARAT | |
| 6.1 | Mesyuarat ditangguhkan pada jam 11.45 pagi dengan ucapan syabas dan terima kasih atas sumbangan semua ahli Pihak Pekerja samada yang hadir mahupun yang tidak dapat turut serta dalam mesyuarat kali ini. Pengerusi juga menegaskan bahawa pindaan Perlembagaan perlu dilaksanakan untuk kebaikan bersama sesebuah organisasi. | |

Rujukan Fail : MITI. 500-7/7/1 Jld. 3 ()

Tarikh : 26 Mei 2017

Persetujuan Minit : 
.....
Cheah Poh Fook
(Setiausaha Pegawai)

: 
.....
Muhammad Izzatul Kayat
(Setiausaha Pihak Pekerja)

Penyediaan Minit Mesyuarat oleh Urus Setia

Disediakan oleh : **Salwa Mohd Adas** - PPT

Disemak oleh : **Encik Cheah Poh Fook** - KPP

Disahkan oleh : **Encik Khiruddin Said** - PKKP

SENARAI KEHADIRAN

1. **YBhg. Dato' Nik Rahmat Nik Taib
Timbalan Ketua Setiausaha (Industri)**
2. **Encik Kok Che Beng
Pengarah
Bahagian Kewangan**
3. **Puan Inthrani Shammugam
Pengarah
Bahagian Pengurusan Maklumat**
4. **Puan Nor Haslynda Wan Rahim
Pengarah
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia**
5. **Encik Mohd Shamsulnizam Sulaiman
Ketua Penolong Pengarah Kanan
Bahagian Pentadbiran**
6. **Puan Mahani Abdul Hafiz
Ketua Audit Dalam
Pejabat Audit Dalam**
7. **Puan Norazilawati Rohanuddin
Ketua Penolong Pengarah
Unit Integriti**
8. **Encik Mohd Reza Azman
Wakil Kumpulan Pengurusan dan Profesional Gred 48/52**
9. **Encik Muhammad Izzatul Kayat
Wakil Kumpulan Pengurusan dan Profesional Gred 41/ 44**
10. **Puan Siti Fariza Edzua Jamaludin
Wakil Kumpulan Kader Pegawai**
11. **Encik Muhammad Abd Ghani
Wakil Kumpulan Penolong Pegawai Teknologi Maklumat**
12. **YM Raja Zaiful Izwan Raja Rahim
Wakil Kumpulan Pembantu Tadbir**
13. **Encik M. Saravanapavan a/l M. Manohara
Wakil Kumpulan Setiausaha Pejabat**
14. **Puan Zamawani Shari
Wakil Kumpulan Kader Sokongan**

15. **Encik Khairul Azwan Wahab
Wakil OKU MITI**
16. **Encik Zainal Shariff
Wakil Kumpulan Pelaksana Pembantu Operasi**
17. **Encik Mohd Khairi Shabudin
Wakil Kumpulan Pelaksana Pemandu**
18. **Encik Badrul Zairun Mohamed Bazin
MITI Wilayah Perak**
19. **Encik Amin Anis
MITI Wilayah Sarawak**
20. **Encik Noor Zainal Osman
MITI Wilayah Pahang**
21. **Encik Nordin Amat
MITI Wilayah Johor**
22. **Encik Gregory Hendry Michael
MITI Wilayah Sabah**
23. **Puan Nor Aliza Ahmad Tajuddin
MITI Wilayah Pulau Pinang**

URUS SETIA

24. **Encik Cheah Poh Fook
Ketua Penolong Pengarah
Bahagian Pentadbiran**
25. **Cik Nur Azza Abdul Aziz
Penolong Pengarah Kanan
Bahagian Pentadbiran**
26. **Puan Salwa Mohd Adas
Penolong Pegawai Tadbir
Bahagian Pentadbiran**
27. **Puan Nurliyana Hazwani Abd Rahman
Pembantu Tadbir
Bahagian Pentadbiran**

TIDAK HADIR DENGAN MAAF

28. **Encik Khiruddin Said
Pengarah Kanan Khidmat Pengurusan**

- 29. Puan Hajah Salimah Khadith
Wakil Majlis Bersama Kementerian**
- 30. Puan Nur Ayunni Arif
MITI Wilayah Kelantan**

